

Bahagian Perolehan Kerajaan

Daripada:

Kementerian Kewangan Malaysia
Ara 5, Blok Utara, No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Kepada:

Ythg. Dat' Abdul Latif bin Abu Saman

Tarikh: 10 April 2020

[illegible]

.....CARIK DAN DIKEMBALIKAN.....

Kepada:

No. Siri E 600571

Jadual telah disemak dan didapati betul.

**SILA KEMBALIKAN
KERATAN INI KE
BAHAGIAN PEROLEHAN
KERAJAAN, MOF**

Tandatangan.....

Tarikh

Cop Rasmi Jabatan

Nama

Jawatan



SULIT

Ruj. Tuan : MPC(PCT)100.2/1
Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-15/8/19(16)
Tarikh : 6 April 2020



YBhg. Dato' Abdul Latif bin Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Faks: 03-7958 1697

YBhg. Dato',

**PERMOHONAN KELULUSAN BAGI PELANTIKAN BADAN PENILAIAN SWASTA
UNTUK TINJAUAN KESEDIAAN INDUSTRY 4WRD**

Dengan hormatnya saya diarah menuliskan kepada permohonan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang diterima melalui sistem *Electronic Government Procurement Application* (eGPA) pada 21 Januari 2020 mengenai perkara di atas. Maklumat tambahan diterima daripada MPC melalui e-mali bertarikh 23 Januari 2020, 17 Februari 2020, 24 Februari 2020 dan 3 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah meneliti permohonan MPC, MITI untuk melantik tujuh (7) Badan Penilai (AB) secara rundingan terus bagi melaksanakan Penilaian Kesediaan Industry 4WRD. Didapati berlaku ketidakpatuhan dalam pengurusan perolehan tersebut di mana MPC telahpun melantik ketujuh-tujuh AB berkenaan tanpa mendapatkan kelulusan daripada MoF terlebih dahulu dan tiga (3) daripadanya iaitu Sirim Berhad, MIMOS Berhad dan Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute telahpun memberikan perkhidmatan sejak Jun 2019. Memandangkan pelantikan syarikat dibuat secara rundingan terus, MPC sewajarnya mendapatkan kelulusan daripada MoF terlebih dahulu sebelum perkhidmatan dimulakan.

3. MoF memandang serius ketidakpatuhan MPC dan MITI dalam menguruskan perolehan ini sehingga menyebabkan perolehan tidak dilaksanakan secara teratur. Sehubungan itu, MPC dan MITI diberikan teguran seperti berikut:

- a. Memastikan peraturan perolehan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya dan kesilapan yang sama tidak berulang di masa akan datang. Tindakan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) hendaklah diambil oleh Pegawai Pengawal sekiranya perkara ini berulang pada masa hadapan; dan
- b. Memastikan permohonan yang dikemukakan untuk pertimbangan MoF disertakan dengan maklumat yang jelas, tepat dan lengkap supaya tidak berlaku proses permohonan maklumat secara berulang yang akan melambatkan proses pertimbangan MoF.



SULIT

3. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pelaksanaan perolehan ini tidak tergendala, MoF memutuskan seperti berikut:

- a. MPC diberi kelulusan khas melaksanakan perolehan Penilaian Kesediaan Industry 4WRD secara rundingan terus dengan tiga (3) AB bagi tempoh mulai 1 Jun 2019 sehingga 31 Disember 2020 dengan anggaran kos sebanyak RM14,440,000.00 seperti perincian di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bil.	Nama AB	Jumlah Syarikat Yang Diperuntukkan	Anggaran Kos (RM)
I.	Sirim Berhad	388	7,760,000.00
II.	MIMOS Berhad	242	4,840,000.00
III.	Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute	92	1,840,000.00
Jumlah		722	14,440,000.00

- b. Diluluskan pelaksanaan perolehan Penilaian Kesediaan Industry 4WRD secara rundingan terus dengan empat (4) AB bagi tempoh mulai 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2020 dengan anggaran kos sebanyak RM4,720,000.00 seperti perincian di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2

Bil.	Nama AB	Jumlah Syarikat Yang Diperuntukkan	Anggaran Kos (RM)
I.	TUV SUD (M) Sdn. Bhd.	120	2,400,000.00
II.	YNY Technology Sdn. Bhd.	36	720,000.00
III.	Bureau Veritas Certification (Malaysia) Sdn. Bhd.	60	1,200,000.00
IV.	Respect Business and Advanced Technology Solutions Sdn. Bhd.	20	400,000.00
Jumlah		236	4,720,000.00

4. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- a. Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini;
- b. Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;

SULIT

- c. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan 1PP/PK7.16 dan minit mesyuarat rundingan harga hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak;
 - d. Harga rundingan tersebut hendaklah dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Agensi dan dikemukakan secara rasmi kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod;
 - e. MPC bertanggungjawab untuk memastikan kesemua AB mematuhi obligasi kontrak dan memenuhi mutu bekalan yang ditetapkan;
 - f. MPC hendaklah memastikan kesemua 7 AB bebas daripada sebarang tindakan undang-undang sebelum surat tawaran dikeluarkan;
 - g. MPC hendaklah memastikan kesemua 7 AB berdaftar di bawah kod bidang yang berkaitan sebelum bayaran dilaksanakan; dan
 - h. MPC hendaklah memastikan pembayaran kepada 7 AB dibuat berdasarkan perkhidmatan sebenar yang diterima sahaja.
5. Kelulusan ini diberikan untuk permohonan ini sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* untuk perolehan lain seumpamanya pada masa akan datang.
6. Kerjasama pihak YBhg. Dato' adalah dipohon untuk memaklumkan status pelaksanaan perolehan dalam tempoh 21 hari dari tarikh surat kelulusan ini dan mengemukakan sesalinan Surat Setuju Terima untuk rujukan dan rekod MoF.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN ROSNI BINTI MOHD YUSOFF)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.

YBhg. Dato' Lokman Hakim bin Ali
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri
Aras 29, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

No. Faks: 03 – 6202 3446

YBhg. Dato' SBPK

